

# Musibah Banjir: Pengalaman Dan Reaksi Emosi Kanak-kanak Mangsa Banjir

Nur Hafiza Ishak  
Samsiah Jayos  
Amalia Madihie

---

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengalaman dan reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2006. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kejadian dan pengalaman yang paling memberikan reaksi emosi yang mendalam kepada kanak-kanak ini. Kajian ini berbentuk kajian kes terhadap seorang kanak-kanak perempuan mangsa banjir. Lokasi kajian ini adalah di daerah Segamat, Johor. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan lukisan dalam mendapatkan data yang terperinci. Hasil dapatan telah dianalisa menggunakan tiga (3) kaedah utama iaitu transkrip data, *content analysis* dan *coding analysis*. Lukisan yang dilukis dianalisa berdasarkan warna yang digunakan semasa melukis. Hasil dapatan menunjukkan terdapat reaksi emosi yang wujud akibat banjir yang telah berlaku. Namun begitu, reaksi emosi lebih ketara ditunjukkan kesan daripada peristiwa bot karam dan kematian orang tersayang ketika banjir berlaku. Kajian ini telah memberi panduan yang berguna kepada para Kaunselor, ibu bapa dan pekerja sosial mengenai peranan yang perlu dimainkan bagi mengatasi masalah psikologikal yang lebih teruk dalam diri kanak-kanak mangsa banjir.

## PENGENALAN

Bencana banjir bukan salah satu bencana semulajadi yang asing berlaku di Malaysia. Banjir merupakan keadaan di mana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisytiharkan banjir oleh pihak berkuasa (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2007). Pada akhir tahun 2006, Malaysia dikejutkan dengan bencana banjir yang terburuk sejak 100 tahun lalu di negeri Johor (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2006). Bencana banjir ini adalah disebabkan hujan lebat yang turun secara berterusan. Kejadian hujan lebat luar biasa ini adalah akibat pertembungan angin kencang yang bertiup dari Lautan Pasifik Barat dengan luran monsun dari benua Rusia dan China di kawasan Laut Cina Selatan (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2006). Ini diperakui lagi oleh Dr. Main Rindam, Pensyarah Geografi dan Hidrologi Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), hujan di Johor adalah satu kejadian ekstrem yang terjadi disebabkan gelombang pertama memang dipengaruhi oleh angin monsun timur laut dan kedua disebabkan wujudnya angin panas daripada Khatulistiwa (Nurul Huda Hassan, 2007). Terdapat banyak penempatan semula telah dibuka untuk memindahkan mangsa-mangsa banjir ke tempat yang lebih selamat. Fenomena banjir yang luar biasa melanda negeri Johor bukan sahaja menyebabkan kemusnahan harta benda, malah turut meragut beberapa nyawa.

Kini bencana alam bukanlah satu kejadian asing yang berlaku di dunia serba moden ini (Bryant dan Boman, 2000). Antara contoh bencana yang telah berlaku ialah tsunami pada tahun 2004 yang mengorbankan hampir 100,000 nyawa dan kehilangan tempat tinggal. Banjir merupakan bencana alam yang ketiga terbesar dan telah banyak mengorbankan nyawa dan merosakkan harta benda (Gittelman, 2004).

Bencana alam semulajadi ini adalah berkait rapat dengan ribut petir dan musim terkujuh. Secara fitrahnya, banjir adalah satu fenomena yang tidak boleh dielakkan. Kejadian bencana sebegini biasanya mempunyai kadar kematian yang tinggi di negara kurang membangun berbanding negara yang maju (Bryant dan Boman, 2000). Namun pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengurangkan kadar kematian akibat bencana alam yang berlaku. Langkah pencegahan boleh dilakukan untuk mengelakkan bencana ini berlaku seperti pembesaran sungai dan pengurangan pencemaran sungai.

Banjir adalah bencana semulajadi yang boleh memberikan kesan yang negatif kepada mangsanya. Kesan yang dapat dilihat ialah dari segi psikologikal, kewangan dan kesihatan (Bryant dan Boman, 2000). Walaupun amaran telah diberikan, kesan banjir itu adalah sangat besar. Kesan tersebut adalah seperti keruntuhan bangunan, keruntuhan hubungan sosial, kehilangan pekerjaan dan pendapatan (Wiesaeth, 1995). Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah mengenalpasti terdapat lebih kurang 1,000 orang mangsa yang mengalami pengalaman trauma disebabkan banjir besar di Johor malah kerugian yang besar telah berlaku akibat daripada banjir tersebut (Zainol Denon, 2007). Kesan banjir ini bukan setakat mengganggu kewangan, malah turut mengganggu emosi mangsa yang terlibat.

## **Banjir dan kanak-kanak**

Kanak-kanak adalah individu yang mudah terdedah dengan bahaya banjir. Mereka sering kali menganggap bahawa bencana banjir adalah satu kejadian yang memberi peluang kepada mereka untuk bermain dengan air secara terbuka. Bencana banjir turut memberi peluang kepada mereka untuk bercuti panjang daripada sesi persekolahan. Ini kerana kebanyakan sekolah yang berhampiran dengan kawasan banjir dijadikan tempat pemindahan mangsa banjir (Nurul Huda Hassan, 2007). Walaupun rata-ratanya kanak-kanak gemar bermain dengan air banjir, masih terdapat kanak-kanak yang takut dan trauma dengan bencana banjir ini. Lebih-lebih lagi bencana banjir yang berlaku tersebut adalah bencana banjir yang besar. Ini menunjukkan bahawa terdapat kesan psikologi di dalam diri kanak-kanak mangsa banjir.

Bencana alam sebegini boleh memberikan kesan jangka panjang kepada mangsanya terutama kanak-kanak. Kesan jangka panjang tersebut ialah trauma, ketakutan yang melampau apabila hujan turun dengan lebat, tidak dapat tidur apabila hujan turun dan pelbagai lagi. Ini dapat dikaitkan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Bahrack, Fivush, Goldberg, Parker dan Sales pada tahun 2004 iaitu kanak-kanak lebih mudah mengingati sesuatu kejadian yang memberi tekanan kepada mereka. Pengkaji-pengkaji tersebut menyatakan kanak-kanak yang terdedah dengan kejadian seumpamanya ini lebih mudah untuk mengingati kejadian tersebut. Lebih-lebih lagi sekiranya kanak-kanak tersebut mempunyai pengalaman yang ekstrem berkaitan dengan kejadian tersebut.

Kanak-kanak lebih mudah untuk mengingati kembali sesuatu kejadian trauma dan fakta yang dikeluarkan berkaitan dengan kejadian oleh kanak-kanak terbabit adalah tepat (Santrock, 2006). Pada peringkat awal kanak-kanak, memori jangka panjang mula terbentuk oleh beberapa rangsangan atau kejadian yang berlaku di persekitaran kanak-kanak terbabit (Santrock, 2006). Kejadian yang diingati seperti kejadian trauma boleh memberikan reaksi emosi yang berpanjangan kepada kanak-kanak yang mengalaminya. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengenalpasti pengalaman dan reaksi emosi kanak-kanak yang terbabit dengan kejadian banjir besar ini. Pengalaman dan reaksi emosi kanak-kanak tersebut dibahagi kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir berlaku.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kejadian yang tidak diingini sering menjadi pengalaman ngeri yang sukar dilupakan. Lebih-lebih lagi pengalaman tersebut melibatkan kematian, kecederaan, kehilangan tempat tinggal dan pelbagai lagi. Manusia sering memendamkan perasaan yang tersimpan berkaitan dengan pengalaman tersebut. Ada di antara mangsa pengalaman ngeri ini tidak dapat hidup dengan tenang kerana pengalaman ngeri itu sentiasa menghantui hidup mereka. Sehubungan dengan itu, setiap individu yang mempunyai permasalahan berkaitan dengan pengalaman ngeri perlu berjumpa dengan seseorang untuk meluahkan perasaan.

Kanak-kanak yang trauma terhadap sesuatu kejadian lebih mudah mengingat kejadian terbabit. Galati dan Sotgiu (2007) telah mengkaji mengenai kejadian trauma dan kesan memori jangka panjang terhadap kejadian banjir yang berlaku di Itali. Pengkaji-pengkaji ini telah menggunakan seramai 145 orang responden yang mempunyai pengalaman banjir di Itali. Data diperolehi adalah daripada borang soal selidik yang diedarkan. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa individu yang terlibat ketika fasa kritikal lebih mudah mengingat kembali kejadian tersebut. Individu yang tidak terlibat dengan banjir dan individu yang hanya terlibat dengan banjir fasa tidak kritikal, sukar untuk mengingat kembali mengenai kejadian banjir tersebut. Reaksi emosi yang ditunjukkan oleh individu-individu yang terlibat dalam fasa kritikal adalah takut, sedih dan terkejut.

Kajian Bahrlick, Fivush, Goldberg, Parker dan Sales (2004) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan kejadian negatif boleh mengingat kembali walaupun kejadian itu telah lama berlaku. Malah data-data berkaitan dengan kejadian negatif itu adalah tepat dan terperinci serta konsisten dengan data-data yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa kejadian trauma yang berlaku ke atas kanak-kanak memberi kesan kepada memori masa panjang.

Selain itu, pengalaman yang diingat tersebut mempunyai kesan yang mendalam terhadap emosi kanak-kanak terbabit. Menurut Parsons dan Peterson (1996), kanak-kanak yang dimasukkan ke dalam wad kecemasan masih mengingat kejadian tersebut walaupun kejadian tersebut telah lama berlaku. Ini kerana peristiwa tersebut memberi kesan yang mendalam kepada emosi kanak-kanak terbabit. Maka dengan itu, bersesuaian dengan tujuan pengkaji iaitu untuk mengenalpasti pengalaman yang memberikan kesan emosi kepada kanak-kanak mangsa banjir. Seperti mana yang diketahui, setiap pengalaman yang dialami memberikan kesan emosi yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membantu pengkaji mengenalpasti pengalaman yang paling memberikan kesan emosi kepada kanak-kanak mangsa banjir.

Pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan tekanan dan memori. Kajian tersebut menyokong bahawa kejadian yang ekstrem seperti bencana akan sentiasa diingat. Bencana akan menyebabkan trauma boleh berlaku dan emosi reaksi terhadap bencana itu akan sentiasa berpanjangan walaupun kanak-kanak itu masih muda semasa kejadian bencana itu berlaku. Kanak-kanak yang terbabit dengan kejadian yang tertekan akan lebih cenderung untuk mempunyai gangguan emosi dan memori (Ceci dan Bruck, 1993).

Hagan (2005) turut menyatakan bahawa kesan psikologikal yang dialami oleh kanak-kanak selepas bencana adalah banyak dipengaruhi oleh kehadiran bencana secara tiba-tiba, tahap terdedah kepada bahaya bencana, persekitaran, individu-individu yang dilanda bencana, karakter kanak-kanak termasuk umur dan tahap perkembangan mereka.

Reaksi emosi yang wujud ini bukanlah disebabkan kejadian yang berlaku ke atas seseorang itu, tetapi pengalaman sendiri individu terbabit semasa kejadian tersebut berlaku (Helpguide, 2007). Kejadian trauma akan memberi kesan yang lebih mendalam kepada mangsanya walaupun kelihatan tiada sebarang kecederaan fizikal. Kesan trauma itu berlaku apabila kejadian tersebut tidak dijangka untuk berlaku dan lebih-lebih lagi tidak bersedia dengan bencana yang tiba-tiba berlaku itu (Helpguide, 2007).

Reaksi emosi kanak-kanak adalah sama dengan orang dewasa. Namun, cara kanak-kanak mengekspresikan emosinya adalah berbeza dengan orang dewasa. Reaksi emosi yang sering ditunjukkan adalah terkejut, tidak percaya, kerisauan, gangguan tidur dan permasalahan dalam hubungan. Banjir boleh menyebabkan kesan emosi yang berpanjangan termasuk tekanan dan trauma di mana kesan tersebut boleh kelihatan selepas sebulan atau setahun selepas kejadian (Penning-Rowsell, Tapsell, Tunstall dan Wilson, 2002).

Menurut Hagan (2005), reaksi emosi kanak-kanak yang terlibat dengan bencana boleh dibezakan kepada dua (2) peringkat. Peringkat pertama adalah reaksi permulaan di mana kanak-kanak akan menunjukkan reaksi emosi seperti takut, tidak percaya, sedih dan risau sekiranya individu yang disayangi cedera. Pada peringkat ini, kanak-kanak akan cuba membantu dan semangat tidak putus asa dalam membantu individu lain terbentuk. Pada peringkat kedua pula, reaksi emosi ini akan muncul selepas beberapa hari kejadian bencana berlaku. Reaksi emosi yang ditunjukkan ialah gangguan tidur, sedih yang berpanjangan, kerisauan dan agresif. Pada peringkat ini, khidmat kaunseling sangat membantu kanak-kanak dalam memulihkan semangat dan menstabilkan emosi mereka (Hagan, 2005).

Bahricks dan rakan-rakan (2004) turut menyatakan bahawa kanak-kanak berumur tiga (3) tahun ke atas lebih mengingati kejadian tersebut dan lebih mudah untuk mengingati kembali kejadian itu tidak kira secara lisan ataupun bukan lisan. Umur kanak-kanak mempengaruhi ingatan terhadap sesuatu kejadian yang berlaku. Semakin berumur kanak-kanak tersebut semasa kejadian berlaku, semakin tebal ingatan terhadap kejadian yang telah berlaku itu (Parsons dan Paterson, 1996). Ini menunjukkan bahawa pengalaman yang memberi kesan yang mendalam seperti bencana alam akan sentiasa mekar dalam ingatan. Lebih-lebih lagi kanak-kanak yang menjadi mangsa yang serius akibat bencana alam tersebut. Selain itu, kanak-kanak akan mengalami reaksi yang berbeza berdasarkan umur mereka. Selepas kejadian tersebut, reaksi emosi akan muncul dan kelihatan selepas beberapa hari, minggu, bulan selepas kejadian bencana berlaku.

Malah, perbezaan jantina turut mempengaruhi reaksi emosi kanak-kanak yang terlibat dengan bencana alam. Kajian yang dilakukan oleh Hagan (2005) menunjukkan bahawa kanak-kanak lelaki lebih sukar untuk dipulihkan daripada kesan emosi berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak lelaki akan menunjukkan sifat anti-sosial dan bertindak lebih agresif berbanding dengan

kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak perempuan akan lebih menunjukkan sifat kerisauan dan ketakutan. Namun begitu, kanak-kanak perempuan lebih mudah untuk mengekspresikan emosi mereka berbanding dengan kanak-kanak lelaki dan mereka lebih cenderung untuk sentiasa berfikir mengenai kejadian bencana yang telah berlaku (Hagan, 2005). Sehubungan itu, pengkaji telah memilih seorang kanak-kanak perempuan sebagai responden dalam kajian ini.

### **Lukisan dan kanak-kanak**

Teknik lukisan sangat membantu dalam memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meluahkan perasaan mereka. Namun begitu, pada kebiasaannya teknik lukisan ini hanya sesuai dijalankan bersama dengan kanak-kanak berbanding dengan golongan dewasa. Golongan dewasa berpendapat teknik lukisan ini adalah seperti keanak-anakan (James, n.d.). Malah, teknik lukisan ini juga dapat membantu membina hubungan yang mesra dengan kanak-kanak dan menggalakkan mereka untuk bercerita mengenai pengalaman yang dialaminya (Institute for Psychological Therapies, 2007). Miller et al., (1987) dalam Institute for Psychological Therapies (2007) menerangkan bahawa apabila kanak-kanak tersebut telah melukis, kanak-kanak tersebut dengan sendirinya akan bercakap berdasarkan apa yang dilukis oleh mereka.

Teknik lukisan telah digunakan oleh ahli-ahli psikologi yang bertugas di kawasan yang terlibat dengan perang dan bencana untuk lebih mengenali kanak-kanak di kawasan tersebut (S. Haroon Ahmed dan M. Naim Siddiqi, 2006). Satu kumpulan kanak-kanak dari satu kawasan dikenali Muzaffarabaf telah melukis rumah yang telah rosak, sekolah yang runtuh dan orang yang cedera. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut meluahkan perasaan mereka melalui lukisan. Namun begitu, kanak-kanak perlu digalakkan untuk bercerita selepas mereka melukis. Ini adalah bertujuan supaya ahli psikologi tidak tersalah faham dengan lukisan tersebut (S. Haroon Ahmed dan M. Naim Siddiqi, 2006).

James (n.d.) turut menyokong bahawa lukisan dapat membantu kanak-kanak meluahkan perasaan mereka yang terpendam akibat trauma. Gumaer's (1894) dalam James (n.d.) telah menjalankan rawatan yang menggunakan beberapa siri lukisan bersama dengan kanak-kanak yang mempunyai masalah. Rawatan tersebut telah menunjukkan bukti yang kukuh bahawa gambar lukisan tersebut dapat mengubah perasaan negatif yang ada dalam diri kanak-kanak kepada perasaan positif.

Pasukan Medecins San Frontieres turut menggunakan teknik lukisan dalam membantu kanak-kanak mangsa trauma di Nigeria (Medecins San Frontieres, 2005). Pasukan ini telah menjalankan pelbagai program seperti drama, teknik pernafasan, termasuk juga teknik lukisan untuk mengurangkan kesan tekanan psikologikal yang dialami oleh kanak-kanak ini. Kanak-kanak tersebut telah dibekalkan dengan sebatang pen dan sekeping kertas. Mereka digalakkan untuk melukis apa sahaja pengalaman yang telah mereka lalui. Daripada lukisan itu,

dapat dilihat bahawa mereka mengalami tekanan psikologikal kerana hampir keseluruhan lukisan yang dilukis itu menggambarkan peperangan (Medecins San Frontieres, 2005). Contoh lukisan yang dilukis adalah lelaki dengan senjata yang besar, rumah yang terbakar dan orang yang telah mati. Pasukan ini turut menggalakkan kanak-kanak tersebut menerangkan setiap lukisan yang dilukis. Ini bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak tersebut bersuara dan berinteraksi dengan orang lain.

Teknik lukisan yang sering digunakan adalah *House-Tree-Projective*, *Draw A Person*, *Kinetic Family Drawing* dan *Free Drawing Techniques* sering digunakan bersama dengan kanak-kanak trauma (Institute for Psychological Therapies, 2007). Penafsiran lukisan tersebut perlu dijalankan dengan berhati-hati. Pentafsiran ini biasanya berdasarkan warna yang digunakan, saiz lukisan, tubuh badan, rupa dan bentuk lukisan (Institute for Psychological Therapies, 2007). Walau bagaimanapun, penafsiran lukisan sukar untuk memperoleh kepercayaan dan kesahihan memandangkan lukisan yang dilukis mempunyai pengertian yang berbeza-beza. Oleh sebab yang demikian, Terapis atau Kaunselor digalakkan untuk berinteraksi bersama dengan kanak-kanak semasa terapi dijalankan.

## Warna dan kanak-kanak

Teori warna menyatakan penggunaan warna di dalam setiap lukisan mempunyai makna yang tersendiri. Warna adalah sebahagian daripada kehidupan di dunia ini. Tanpa warna sukar untuk sesuatu benda dibezakan. Warna asas terdiri daripada tiga (3) warna sahaja iaitu biru, merah dan kuning. Kombinasi antara warna-warna tersebut dapat menghasilkan warna baru. Contohnya warna kuning dicampur dengan warna biru akan menghasilkan warna hijau (John, n.d.). Warna merupakan salah satu terapi untuk mengenalpasti gangguan emosi yang dialami oleh kanak-kanak.

Penggunaan warna di dalam lukisan juga boleh menunjukkan kesan emosi yang dialami oleh individu yang melukisnya. Menurut Kaya & Helen (2004) dalam kajian yang dilakukan untuk mengkaji warna dan pengalaman lepas menunjukkan bahawa penggunaan warna adalah bergantung kepada pengalaman lepas individu. Kajian yang dilakukan ke atas 98 orang pelajar kolej membuktikan bahawa warna memberi maksud tersendiri kepada individu. Warna hijau menunjukkan kedamaian, kegembiraan dan harapan. Warna hijau juga dikaitkan dengan tumbuhan dan semulajadi. Warna biru menunjukkan ketenangan yang berkaitan rapat dengan langit dan lautan. Warna hitam menunjukkan emosi yang negatif yang lebih cenderung membawa maksud cuaca yang buruk dan perasaan yang sedih, kemurungan dan kebosanan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menetapkan lima (5) pilihan warna untuk kanak-kanak mengekspresikan emosi mereka melalui teknik lukisan. Warna tersebut ialah kuning, hitam, hijau, merah dan biru. Pilihan warna tersebut adalah

berdasarkan maksud psikologi yang tersirat di sebalik warna tersebut (Mahnke, 1996 dan Kaya dan Helen, 2004). Pemilihan warna di dalam lukisan oleh kanak-kanak nanti akan melambangkan emosi yang dialami oleh mereka selaras dengan tujuan pengkaji iaitu mengenalpasti reaksi emosi kanak-kanak akibat banjir.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Pengkaji menggunakan rekabentuk ini adalah kerana bersesuaian dengan objektif kajian ini. Menurut Ismail, Rusli dan Hasbee (2007), kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan untuk lebih memahami situasi yang kompleks dan sukar difahami. Selain itu, kajian ini memerlukan pengkaji untuk menerokai setiap aspek yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan.

Kajian ini turut menggunakan kaedah *narrative* bagi mendapatkan maklumat yang jelas daripada responden. Kaedah *narrative* ini adalah berkisar mengenai pengalaman dan reaksi kanak-kanak tersebut. Penggunaan kaedah *narrative* di dalam kajian biasanya digunakan terhadap cara manusia mengalami kehidupan dan pengalaman mereka di dunia.

Kajian dilakukan di sebuah kampung di daerah Segamat, Johor. Negeri Johor merupakan negeri paling teruk terjejas akibat banjir (Jabatan Meterologi Malaysia, 2006). Tempat kajian ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian dan mempunyai responden yang memenuhi ciri-ciri sampel kajian. Responden yang dipilih adalah seorang kanak-kanak perempuan berumur 8 hingga 12 tahun. Kanak-kanak perempuan lebih mudah untuk mengekspresikan emosi mereka berbanding dengan kanak-kanak lelaki dan mereka lebih cenderung untuk sentiasa berfikir mengenai kejadian bencana yang telah berlaku (Hagan, 2005). Pengkaji telah menggunakan seorang responden sahaja di dalam kajian ini. Ini adalah kerana pengkaji ini ingin mendapatkan maklumat yang mendalam berkaitan pengalaman banjir dan reaksi emosi yang dialami oleh responden.

Prosedur pengumpulan data dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan kajian ini. Setelah pengumpulan data selesai dijalankan, penganalisan data akan diteruskan untuk mengenalpasti keputusan dan dapatan yang diperolehi. Sebelum proses mendapatkan data dijalankan, pengkaji memberikan borang persetujuan pemberitahuan. Tiga (3) teknik digunakan untuk mendapatkan data daripada responden. Tiga (3) teknik tersebut adalah temubual, pemerhatian dan teknik lukisan.

Pengkaji menggunakan temubual tidak berstruktur bagi mendapatkan data daripada responden. Soalan temubual adalah berkisar mengenai pengalaman responden ketika banjir berlaku. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data berkaitan memori jangka panjang berkaitan pengalaman banjir. Namun begitu, soalan temubual juga boleh diubahsuai mengikut kesesuaian dan keadaan responden ketika ditemuramah. Menurut Ismail, Rusli dan Hasbee (2007),



maklumat tersebut memainkan peranan penting untuk menerangkan fenomena, sebab dan kesan kejadian yang berlaku.

Kaedah pemerhatian turut dilakukan semasa sesi temubual dilakukan. Pengkaji akan merekod setiap tingkah laku responden melalui perakam video. Borang Persetujuan Pemberitahuan turut diberikan kepada responden dan ibu bapanya sebelum pengkaji menggunakan perakam video. Ini bertujuan untuk mendapatkan kebenaran dan kesediaan responden. Pemerhatian dilakukan adalah untuk mengenalpasti reaksi emosi yang dialami oleh responden. Malah, pemerhatian turut dilakukan semasa kanak-kanak tersebut melukis lukisan berkaitan pengalaman banjir.

Teknik lukisan digunakan dalam kajian ini. Teknik ini adalah memberi peluang kepada responden untuk meluahkan perasaan secara bukan lisan. Beberapa peralatan lukisan dibekalkan kepada responden. Peralatan lukisan tersebut ialah lima (5) jenis warna iaitu kuning, hitam, hijau, biru dan merah, pensil, pemadam dan kertas lukisan. Responden dibekalkan dengan alatan lukisan ini adalah untuk memudahkan dan tidak menyusahkan responden semasa teknik lukisan dijalankan. Responden akan diminta melukis keadaan diri responden ketika banjir berlaku. Responden turut digalakkan untuk melukis apa sahaja yang diinginkan.

Teknik lukisan ini akan menggalakkan lagi kanak-kanak untuk meluahkan perasaan mereka. Pada kebiasaannya, kanak-kanak lebih mudah mengekspresikan emosi mereka apabila diminta untuk melukis dan mewarna (Merrel, 2003).

Manakala bagi menganalisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah pengekodan iaitu transkrip data, *content analysis* dan *coding analysis*. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan kaedah pengekodan iaitu transkrip data, *content analysis* dan *coding analysis*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 12 tahun. Responden merupakan kanak-kanak mangsa banjir di mana boleh dikatakan hampir setiap tahun kawasan tempat tinggal responden ditenggelami air. Namun pada akhir tahun 2006, banjir yang berlaku di kawasan rumah beliau telah memberikan sejarah hitam dan sentiasa terpahat diingatan responden ini. Banjir pada akhir tahun 2006 merupakan banjir terburuk sejak 100 tahun di Johor khususnya di daerah Segamat (Jabatan Materologi Malaysia, 2007). Responden tidak dikategorikan sebagai pesakit kemurungan kerana simptom-simptom yang dialaminya tidak memenuhi kriteria-kriteria pesakit murung yang terdapat di dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM-IV).

## Analisa hasil temubual

Hasil temubual bersama responden tersebut telah dianalisa menggunakan tiga (3) kaedah utama iaitu transkrip data, *content analysis* dan *coding analysis*. Analisa telah dibahagikan mengikut kategori iaitu pengalaman dan reaksi emosi sebelum, semasa dan selepas banjir berlaku. Malah, pengkaji turut menganalisa pengalaman yang paling memberikan reaksi emosi dalam diri responden sebagai mangsa banjir.

## Pengalaman dan reaksi emosi sebelum banjir berlaku

Pada kebiasaannya, setiap tahun kawasan tempat tinggal responden mengalami banjir namun begitu keadaan banjir tidak membimbangkan. Jadi responden biasanya tidak melakukan sebarang persiapan yang terperinci untuk menghadapi banjir. Boleh dikatakan banjir yang berlaku setiap tahun sebagai satu pesta air di kawasan tempat tinggal responden. Ini terbukti apabila responden menyatakan beliau dan atuk beliau sempat menangkap ikan di depan rumah walaupun banjir berlaku.

Walau bagaimanapun, banjir yang berlaku akhir tahun 2006 merentap kegembiraan responden kerana banjir tersebut adalah satu bencana yang luar biasa. Responden menyifatkan peristiwa banjir tersebut adalah seperti tsunami. Maka disebabkan itulah, pelbagai reaksi emosi yang wujud. Responden mengalami perasaan risau, takut dan terkejut apabila air mula naik dengan mendadak di dalam rumah beliau. Perasaan risau dan takut menyelubungi diri responden kerana responden tidak pernah mempunyai pengalaman menghadapi banjir yang teruk sebegitu. Perasaan sebegini berlaku akibat daripada peristiwa yang luar biasa dan tidak dijangka berlaku (Nemors Foundation, 2008).

Malah apa yang lebih mengejutkan lagi apabila air banjir masuk ke rumah beliau secara tiba-tiba dan meningkat dengan mendadak ketika persiapan sedang dijalankan. Ini menyerlahkan dan menambahkan lagi perasaan takut dan terkejut kanak-kanak akibat perkara yang luar biasa ini (Hagan, 2005).

Malah, Nemors Foundation (2008) menyatakan bahawa pada saat yang genting seperti bencana alam, kanak-kanak akan berasa gementar dan jantung mereka akan berdegup dengan kencang menandakan mereka berasa takut dan risau dengan apa yang berlaku. Kanak-kanak mudah risau dengan apa yang akan berlaku ke atas diri mereka dan ini boleh mendatangkan masalah yang besar sekiranya kanak-kanak tersebut tidak dapat menyesuaikan diri dengan apa yang telah berlaku ke atas dirinya (Makiko Okuyama, n.d.).

Responden telah menggigil akibat daripada perasaan takut dan gementar yang melampau ketika air banjir meningkat dengan banyak ke dalam persekitaran rumah beliau. Perasaan yang dialami ini telah disokong oleh Teori Cannon-Bard. Menurut teori ini, individu yang mengalami perasaan takut akan menterjemahkan

perasaan itu melalui reaksi psikologi seperti berpeluh dan menggigil (Wagner, 2007). Perasaan ini bertambah dengan ketaranya apabila responden terpaksa mengharungi arus yang deras untuk menyelamatkan diri ke tempat yang lebih selamat iaitu ke rumah datuknya yang berhampiran dengan rumah responden.

### **Pengalaman dan reaksi emosi semasa kejadian banjir berlaku**

Keluarga beliau lewat menerima bantuan disebabkan komuniti kampung dan penyelamat tidak berani datang menyelamatkan mereka sekeluarga kerana arus banjir ketika itu sangat kuat. Pasukan penyelamat tidak mahu membahayakan diri sendiri demi keselamatan orang lain. Sikap pasukan penyelamat tersebut telah mendatangkan reaksi emosi yang negatif dalam diri responden. Beliau cuba untuk bertenang namun tidak berdaya kerana keadaan ketika itu sangat menakutkan. Beliau berasa sangat marah dan geram dengan tindakan pasukan penyelamat yang lewat memberikan bantuan sedangkan responden sekeluarga dalam keadaan sangat bahaya. Responden bimbang akan keselamatan diri dan keluarganya memandangkan keadaan ketika itu sangat membahayakan. Walaupun usia responden adalah 12 tahun, beliau tetap mempunyai perasaan bimbang dengan nasib yang menimpa diri dan keluarganya. Ini telah disokong oleh Morris & Ommeren (n.d.), bahawa kanak-kanak pada usia 6-12 tahun mempunyai rasa satu tanggungjawab untuk memastikan semua yang terlibat dengan bencana selamat. Hagan (2005) turut menambah pada peringkat usia sebegini, kanak-kanak akan cuba membantu dan semangat tidak putus asa dalam membantu orang lain terbentuk. Ini terbukti apabila responden tidak putus-putus menjerit meminta bantuan.

Setelah lama menunggu, sebuah bot datang menyelamatkan beliau. Namun malangnya, bot yang mereka naiki telah karam akibat terlanggar tiang elektrik. Perlanggaran itu menyebabkan bot mereka terbalik dan responden hampir lemas. Kejadian itu turut meragut nyawa nenek kesayangan responden. Kejadian tersebut memberikan tekanan yang hebat kepada dirinya lebih-lebih lagi kehilangan nenek tersayang. Youichi Inoue (n.d.), menyatakan bahawa kejadian bencana alam dan kehilangan orang tersayang akibat bencana adalah satu pengalaman yang serius bagi setiap individu yang terlibat terutamanya kanak-kanak dan akan memberikan igauan yang berterusan sekiranya tidak dibantu dan diubati. Kesedihan yang menyelubungi diri responden bertambah disebabkan nenek responden merupakan individu yang paling hampir dan akrab dengannya. Kehilangan nenek responden sangat dirasai dan dikesali kerana pada mulanya nenek beliau tidak mahu untuk menaiki bot tersebut. Tetapi apabila didesak dan demi keselamatan, nenek beliau menuruti desakan itu dan menaiki bot yang sarat dengan mangsa banjir. Responden seakan menyalahkan diri sendiri kerana memaksa nenek beliau untuk menaiki bot tersebut. Ini menambahkan lagi tekanan yang dihadapi oleh responden akibat peristiwa bot karam ini.

Kanak-kanak akan lebih mudah tersentuh apabila menceritakan pengalaman yang memberikan kesan yang mendalam. Semasa temubual ini dijalankan,

didapati bahawa responden mula mengalirkan air mata apabila menceritakan detik cemas beliau karam di tengah lautan banjir. Semasa bot itu karam, responden menyatakan bahawa beliau merasakan beliau akan mati. Beliau berasa sangat takut dan sentiasa menangis. Responden telah beberapa kali mengulang perkataan takut dan ini menguatkan lagi bukti yang kukuh mengatakan bahawa peristiwa bot karam semasa bencana banjir tersebut telah memberikan kesan yang mendalam kepada diri responden. Bencana banjir ini merupakan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan mempunyai kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak-kanak yang terlibat (Parson dan Peterson, 1996).

### **Pengalaman dan reaksi emosi selepas kejadian banjir berlaku**

Selepas banjir mula surut, responden telah pulang ke rumah. Nasib bertambah malang, apabila rumah yang didiami selama ini telah rosak dan banyak barang di dalam rumah tidak dapat diselamatkan. Beliau berasa sedih tetapi apa yang lebih menyedihkan apabila kejadian banjir besar itu telah meragut nyawa nenek kesayangan beliau dengan sekelip mata. Nemors Foundation (2008), menyatakan bahawa kanak-kanak sukar untuk menerima kenyataan apabila individu yang disayangi meninggal. Responden memberitahu bahawa beliau agak sukar untuk menerima kenyataan bahawa nenek beliau telah meninggal dunia. Malah kesedihan yang dialami ini jika tidak dibantu dan diubati besar kemungkinan untuk individu sebegini tergolong di dalam golongan individu yang mengalami *postraumatic stress symptoms* (PTSS) dan *postraumatic stress disorder* (PTSD) (Fuemmeler et al., 2005).

Proses pembersihan rumah akibat lumpur banjir turut memberikan kesan emosi terhadap kanak-kanak. Ini kerana ingatan terhadap barang kesayangan yang rosak akan menambah kesedihan yang ada (The National Traumatic Stress Network, n.d.) lebih-lebih lagi barang yang telah lama dikumpul. Responden berasa sedih kerana barang-barang seperti sijil pencapaian yang diperolehi telah rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Beliau pasrah dengan apa yang berlaku kerana kejadian tersebut berlaku secara tiba-tiba sehinggakan ada barang penting yang tidak berjaya diselamatkan. Walau bagaimanapun, dengan semangat dan dorongan oleh ibu bapa, responden sanggup memakai beberapa barangan yang tidak rosak seperti kasut di mana kasut tersebut dibasuh semula kerana ia disaluti lumpur yang tebal.

Analisa daripada temubual berkaitan pengalaman dan reaksi emosi responden selepas banjir berlaku menunjukkan bahawa kejadian banjir tersebut telah memberikan kesan yang mendalam ke atas diri responden. Hagan (2005) menyatakan bahawa kesan psikologikal yang dialami oleh kanak-kanak selepas bencana adalah banyak dipengaruhi oleh kehadiran bencana secara tiba-tiba, tahap terdedah kepada bahaya bencana, persekitaran, individu-individu yang dilanda bencana, karakter kanak-kanak termasuk umur dan tahap perkembangan mereka. Kesan yang dapat dilihat adalah apabila responden tidak lagi mahu menaiki bot selepas peristiwa bot karam tersebut. Beliau berasa takut dan risau peristiwa yang sama berulang lagi.

Selepas kejadian tersebut, responden sentiasa berasa kehilangan dan sedih dengan apa yang telah berlaku. Beliau turut menyatakan bahawa beliau takut dan risau apabila hujan lebat dan tidak henti-henti turun. Perasaan ini adalah kesan traumatik yang dialami oleh kanak-kanak yang mengalami bencana dan perasaan ini akan muncul kembali apabila hujan lebat, ribut petir dan awan menjadi hitam (The National Traumatic Stress Network, n.d.). Responden menyangka bencana yang berlaku ke atas diri beliau akan berulang lagi dan responden akan terus mengemas dan bersedia untuk berpindah. Responden menyatakan beliau tidak mahu kejadian tersebut berlaku lagi. Akibat bencana banjir tersebut, ibu bapa beliau telah mengambil keputusan untuk berpindah dari kawasan tempat tinggal beliau bagi menghilangkan rasa sedih dan tertekan dengan bencana yang telah berlaku ke atas mereka.

Kanak-kanak yang mengalami kesan yang hebat akibat sesuatu bencana akan mengalami masalah tidur dan gangguan mimpi (Morris & Ommeren, n.d.). Keadaan ini berlaku ke atas diri responden apabila beliau tidak dapat tidur dengan lena dan mengalami mimpi mengenai kejadian bot karam dan mengenai nenek beliau yang telah meninggal dunia. Torjesen (2001) turut menyokong kenyataan Morris dan Ommeren (n.d.) bahawa kanak-kanak akan mengalami masalah tidur yang berpanjangan akibat peristiwa yang tidak diinginkan berlaku.

Malah beliau tidak berminat untuk menjalankan aktiviti lain. Beliau lebih gemar duduk bersendirian dan termenung sahaja. Keadaan ini disokong oleh Morris & Ommeren (n.d), bahawa kanak-kanak akan mengalami satu perubahan yang ketara apabila suatu bencana berlaku ke atas diri mereka. Mereka akan lebih suka duduk bersendirian dan tidak mahu terlibat dengan aktiviti luar. Malah Greenhoot, Tsethlikai, dan Wagoner (2006), turut menyatakan pengalaman lepas yang dialami oleh kanak-kanak mempengaruhi sosial interaksi antara persekitaran sekelilingnya.

### **Pengalaman yang paling memberikan reaksi emosi kepada kanak-kanak yang terlibat dengan banjir**

Analisis sepanjang temubual dijalankan, didapati pengalaman bot karam dan kehilangan nenek tersayang merupakan pengalaman yang paling memberikan reaksi negatif kepada emosi responden. Responden kerap kali menceritakan pengalaman berkaitan bot karam dan nenek beliau. Ini menunjukkan peristiwa itu telah memberikan kesan negatif dalam diri responden. Menurut Parson dan Peterson (1996) menyatakan bahawa peristiwa yang sering diingati kerap kali mempunyai kaitan dengan kesan peristiwa tersebut dalam diri mangsa. Contoh kesan peristiwa tersebut adalah seperti kematian orang tersayang dan terlibat dengan perkara yang tidak dijangka akan berlaku. Bahrack et al., (2004) menyatakan bahawa kanak-kanak yang terdedah dengan situasi dan pengalaman sebegitu lebih mudah mengingati dan seterusnya memberikan tekanan emosi kepada mereka.

Malah responden kerap kali menunjukkan reaksi kurang selesa dan sedih apabila membangkitkan pengalaman beliau ketika bot karam. Pada kebiasaannya, individu yang terlibat dengan perkara sebegini sukar untuk menerima kenyataan dengan apa yang telah berlaku. Mereka juga akan cuba menyangkal perkara tersebut terutama sekali apabila melibatkan kematian (Bryant dan Boman, 2000). Selain itu, peristiwa sebegini akan memberikan reaksi emosi yang berpanjangan kepada kanak-kanak yang mengalaminya (Brown dan Goodman, 2005).

Peristiwa bot karam tersebut mewujudkan reaksi emosi yang paling ketara apabila responden menyatakan pada ketika itu beliau rasa seperti hendak mati dan tidak mempunyai harapan untuk hidup. Ini telah disokong oleh Helpguide (2007), menyatakan reaksi emosi akan lebih ketara ditunjukkan apabila individu itu sendiri mempunyai pengalaman semasa kejadian tersebut berlaku. Dalam peristiwa bot karam itu, responden merupakan penumpang yang mengalami sendiri saat-saat bot yang dinaiki itu karam. Tekanan emosi yang dialami oleh kanak-kanak adalah berkait rapat dengan tahap tekanan semasa peristiwa tersebut berlaku (Thompson et al., 1998).

Kematian orang tersayang memberikan reaksi emosi yang berpanjangan kepada diri responden. Kenyataan ini telah disokong oleh La Greca et al., (1996) menyatakan bahawa kejadian seperti bencana alam ini terutamanya yang melibatkan kehilangan orang tersayang akan sedikit sebanyak mempengaruhi tekanan yang dialami oleh kanak-kanak.

### **Analisa lukisan dan warna**

Bagi mendapatkan data lebih terperinci, pengkaji telah menggunakan teknik lukisan. Kanak-kanak disediakan dengan lima (5) jenis warna pensil bagi menzahirkan emosi yang dialami oleh responden akibat bencana yang berlaku ke atas diri beliau.

Responden telah menggunakan kesemua warna yang telah disediakan. Warna tersebut ialah kuning, hitam, hijau, biru dan merah. Pengkaji turut menemubual kanak-kanak itu semasa ia melukis. Ini adalah bertujuan menggalakkan responden meluahkan perasaan semasa melukis.

Responden telah melukis situasi kejadian bot karam dan ini menunjukkan peristiwa bot karam tersebut banyak memberikan kesan emosi dalam dirinya. Kanak-kanak akan melukis peristiwa yang mempunyai kesan dalam hidup apabila disuruh untuk melukis.

Hasil dapatan yang diperolehi daripada lukisan yang dilukis menguatkan lagi reaksi emosi yang dialami oleh responden. Pengkaji turut menemubual responden mengenai pemilihan warna berdasarkan apa yang dilukis. Menurut responden, ia menggunakan warna merah untuk bumbung rumah kerana pada ketika itu perasaannya adalah sangat marah dengan kelewatan bantuan yang

diberikan kepadanya. Berdasarkan Malchiodi (2001), warna merah menunjukkan perasaan benci dan ada kaitan dengan keadaan dalam bahaya.

Penggunaan warna biru kepada individu-individu yang terlibat dengan bot karam adalah kerana pada ketika itu beliau berasa selamat kerana sudah berada di bumbung rumah dan menanti bot penyelamat yang lain datang untuk menyelamatkan mereka selepas karam. Warna biru menunjukkan keadaan tenang dan selamat (Malchiodi, 2001). Namun perlu diberi perhatian kerana penggunaan warna biru boleh dikaitkan dengan tekanan yang dialami (Malchiodi, 2001).

Responden turut melukis gambar awan yang berwarna hitam. Menurut beliau pada ketika itu keadaan adalah gelap, hujan lebat serta sungguh menakutkan. Menurut Malchiodi (2001), warna hitam banyak dikaitkan dengan keadaan yang negatif iaitu ketakutan dan kematian.

Gambar pokok yang dilukis menggunakan warna hijau menggambarkan perasaan selamat dan bernasib baik kerana pokok tersebut telah menyelamatkan diri responden daripada dibawa oleh arus banjir yang deras. Penggunaan warna hijau dalam lukisan seringkali dikaitkan dengan lukisan pokok dan reaksi emosi yang berkait adalah selamat dan harapan (Kaya dan Helen, 2004). Ini turut dipersetujui oleh Mahnke (1996) iaitu warna hijau dikaitkan dengan selamat dan damai.

Air banjir yang dilukis diwarnakan kuning kehitaman kerana menurut beliau air banjir tersebut telah bercampur dengan air sungai. Penggunaan warna kuning pula menunjukkan perasaan yang gembira atau perasaan yang positif. Namun begitu, apabila ditanya mengenai perasaan beliau, lantas beliau menjawab takut. Penggunaan warna tersebut menunjukkan perasaan takut. Penggunaan warna turut dipengaruhi oleh peribadi individu dan budaya di sesuatu tempat (Malchiodi 2001). Di Malaysia, warna kuning kehitam-hitaman menunjukkan air banjir yang datang dari sungai. Maka, penggunaan warna kuning kehitaman adalah bertepatan dengan situasi banjir yang berlaku di Malaysia.

Boyatris dan Varghese (1993) turut menyatakan bahawa penggunaan dan pemilihan warna oleh kanak-kanak adalah turut berkaitan dengan emosi kanak-kanak tersebut. Dalam kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa penggunaan warna yang terang seperti warna biru, hijau dan kuning menunjukkan emosi yang positif. Penggunaan warna gelap seperti warna hitam menunjukkan emosi negatif dalam diri kanak-kanak. Emosi positif ialah perasaan gembira dan teruja manakala emosi negatif pula ialah marah dan sedih. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Boyatris dan Varghese (1993) ini telah menyokong hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini.

## RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa kanak-kanak tersebut telah menunjukkan reaksi emosi yang ketara iaitu sebelum, semasa dan selepas banjir berlaku. Peristiwa tragis yang berlaku semasa banjir memberikan pengalaman pahit dan mewujudkan reaksi emosi yang berpanjangan kepada kanak-kanak mangsa banjir ini seperti sedih, takut dan terkejut.

Reaksi emosi yang ditunjukkan sebelum bencana banjir berlaku ialah risau, takut dan terkejut. Reaksi emosi ini lahir kerana bencana banjir ini adalah luar biasa berbanding dengan bencana banjir yang sering dialami oleh responden. Hagan (2005) menyatakan perasaan takut dan terkejut wujud dalam diri kanak-kanak terserlah apabila sesuatu perkara yang luar biasa berlaku.

Semasa banjir berlaku, pelbagai reaksi emosi yang wujud di dalam diri kanak-kanak tersebut. Reaksi emosi yang ditunjukkan adalah berdasarkan dengan situasi yang dialami semasa banjir berlaku. Semasa banjir berlaku, beliau telah mengalami beberapa peristiwa yang telah memberikan kesan emosi yang berpanjangan. Peristiwa tersebut adalah sukar menyelamatkan diri, pertolongan lambat diberikan, tragedi bot karam dan kematian nenek tersayang. Reaksi emosi yang ditunjukkan akibat beberapa peristiwa ini ialah takut, geram, marah, dan sedih. Perasaan sedih itu diluahkan dengan menangis dan menjerit. Kesan reaksi emosi sebegitu boleh berpanjangan walaupun peristiwa sebegitu telah lama berlaku (Torjesen, 2001).

Emosi responden terus terganggu apabila pulang ke rumah. Reaksi emosi terus berpanjangan walaupun banjir telah surut. Selepas banjir berlaku, reaksi emosi yang ditunjukkan adalah terkejut, sedih dan takut. Kesan banjir tersebut turut mempengaruhi kehidupan sosial responden di mana beliau tidak berminat untuk bergaul dan berbual dengan orang di sekelilingnya. Greenhoot, Tsethlikai, dan Wagoner (2006), menyatakan pengalaman lepas yang dialami oleh kanak-kanak boleh mempengaruhi sosial interaksi antara persekitaran sekelilingnya.

Teknik lukisan telah digunakan untuk mengekspresikan emosi yang dialami oleh kanak-kanak tersebut. Terdapat lima (5) warna yang diberikan iaitu merah, biru, kuning, hijau dan hitam. Reaksi emosi yang ditunjukkan diluahkan melalui warna yang digunakan semasa teknik lukisan digunakan. Jadual 1 merupakan rumusan reaksi emosi yang diluahkan semasa teknik lukisan dijalankan. Pengkaji turut menemubual responden semasa dan selepas melukis bagi mendapatkan maksud yang lebih jelas berkaitan dengan lukisan yang dilukis.



Jadual 1: Rumusan intepretasi lukisan, warna dan reaksi yang ditunjukkan

Item yang dilukis	Warna yang digunakan	Reaksi yang ditunjukkan
Pokok	Hijau	Bernasib baik, selamat.
Air banjir	Kuning	Air banjir, macam lautan.
Bumbung rumah	Merah	Geram dan marah.
Individu yang terlibat dengan bot karam	Biru	Selamat.
Awan	Hitam	Takut.

Kajian ini telah memberi kesedaran kepada para Kaunselor mengenai peranan yang perlu dimainkan semasa bencana alam seperti banjir ini berlaku. Peranan Kaunselor adalah penting selepas bencana berlaku. Kaunseling perlu diberikan kepada individu yang kurang mendapat pertolongan dan sokongan daripada persekitaran bencana yang dialaminya (Youichi Inoue, n.d.). Ini kerana keadaan emosi mangsa adalah sangat tidak stabil dan memerlukan sokongan daripada para Kauselor lebih-lebih lagi mangsa tersebut adalah kanak-kanak.

Justeru itu, Kaunselor perlulah meningkatkan kemahiran mengendalikan sesi dengan individu yang terlibat dengan bencana. Kemahiran kaunseling dengan mangsa bencana adalah berbeza berbanding klien lain. Ini kerana mangsa yang dialaminya sangat sensitif apabila memikirkan dan berbincang mengenai bencana pendengar yang setia dan memberikan sokongan dan memainkan peranan sebagai bencana alam ini (National Mental Health Information Center, 2007). Tunjuk ajar yang boleh dikongsi bersama dengan mangsa banjir adalah seperti cara-cara menyelamatkan diri, cara-cara penyesuaian diri selepas bencana dan pelbagai lagi.

Pada kebiasaannya, tajuk perbualan antara Kaunselor dan mangsa banjir lebih tertumpu kepada emosi yang dialami seperti sedih, terkejut, marah, dan lain-lain lagi (National Mental Health Information Center, 2007). Interaksi antara Kaunselor dan mangsa bencana sangat bermanfaat untuk memahami kesedihan kerana kesedihan merupakan satu perasaan yang wujud apabila berlaku sebarang peristiwa yang tidak dijangka dan berlaku secara tiba-tiba (American Red Cross, 2007). Oleh itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa reaksi emosi adalah wujud dalam diri kanak-kanak dan Kaunselor perlulah membuka mata dan bersedia untuk menawarkan khidmat kaunseling sekiranya bencana alam berlaku di Malaysia.

Malah, ibu bapa turut perlu memberikan kerjasama dalam membantu anak-anak mereka yang terlibat dengan banjir. Ibu bapa adalah individu yang paling hampir dengan diri kanak-kanak mangsa banjir. Kajian ini bukan sahaja membuka mata Kaunselor untuk memainkan peranannya, malah turut juga membuka mata

para ibu bapa untuk mengambil berat perihal anak-anak mereka yang terlibat dengan banjir.

Ibu bapa perlu memberi sepenuh perhatian dan sokongan kerana ibu bapa merupakan individu yang sering bersama dengan kanak-kanak. Kekurangan bersama dengan anak-anak mereka dapat membantu ibu bapa mengenal-pasti reaksi emosi dan tekanan yang dialami oleh kanak-kanak akibat bencana alam yang terjadi terutamanya banjir yang sering berlaku di Malaysia. Kecekapan ibu bapa mengenal-pasti perubahan tingkah laku, kognitif dan emosi permata hati mereka dapat membantu dan mengurangkan trauma akibat bencana yang berlaku.

Ibu bapa juga perlu bijak untuk menangani tekanan dan masalah yang dialami akibat bencana yang berlaku. Ini kerana tahap tekanan yang dialami oleh ibu bapa boleh mempengaruhi tekanan dan emosi yang dialami oleh kanak-kanak (Hagan, 2005). Justeru itu, ibu bapa dan anak-anak perlulah sentiasa bekerjasama dalam memulihkan semangat dan menstabilkan emosi selepas peristiwa bencana yang tidak diduga ini.

Pekerja sosial merupakan individu yang sering kelihatan semasa sesuatu kejadian bencana berlaku. Golongan ini banyak memberikan bantuan dan pertolongan bagi memastikan mangsa-mangsa bencana selamat. Selain itu, golongan ini turut memastikan setiap bantuan dapat dihulurkan dengan kadar segera agar kadar kematian dan kesengsaraan dapat dikurangkan.

Pengkaji turut mencadangkan para golongan pekerja sosial ini diberi latihan dan tunjuk ajar supaya mereka ini dapat memberikan bantuan dengan lebih efektif dan pantas. Malah, perkongsian ilmu mengenai emosi yang dialami oleh mangsa dapat membantu pekerja sosial lebih memahami kesengsaraan yang dialami oleh mangsa.

Selain itu, kajian ini turut menyedarkan peranan yang perlu dimainkan oleh pekerja sosial mengenai keprihatinan mereka terhadap mangsa banjir. Pekerja sosial perlulah menunjukkan keprihatinan bukan setakat orang dewasa tetapi juga kepada kanak-kanak yang terlibat dengan bencana. Kanak-kanak adalah individu yang mudah mendapat kesan fizikal dan emosi akibat sesuatu peristiwa yang tidak diduga (Parsons dan Peterson, 1996).

Pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan kepada pengkaji akan datang bagi mendapat maklumat lebih jelas berkaitan banjir di Malaysia ini. Memandangkan pengkaji hanya memfokuskan emosi kanak-kanak mangsa banjir, pengkaji menggalakkan pengkaji akan datang untuk mengkaji dan mengenalpasti perubahan yang dialami oleh kanak-kanak dari segi tingkah laku, kognitif dan emosi. Ini kerana pengalaman yang tragis dalam hidup kanak-kanak mempengaruhi tingkah laku, kognitif dan emosi.

Selain itu, pengkaji akan datang boleh meluaskan skop jantina responden dengan melakukan kajian ke atas kanak-kanak lelaki. Reaksi emosi kanak-kanak lelaki adalah berbeza dengan reaksi emosi yang dipamerkan oleh kanak-kanak perempuan (Hagan, 2005). Sehubungan dengan itu pengkaji akan datang boleh memanjangkan kajian ini dengan melakukan kajian mengenai perbandingan reaksi emosi kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Setiap kanak-kanak yang terlibat dengan banjir mempunyai cara penyesuaian yang berbeza mengikut tahap keseriusan bencana yang berlaku ke atas diri mereka. Malangnya, kajian ini tidak mengkaji kemahiran daya tindak kanak-kanak mangsa banjir selepas banjir berlaku. Maka dengan itu, digalakkan agar pengkaji akan datang untuk mengkaji kemahiran daya tindak kanak-kanak mangsa banjir selepas banjir berlaku. Ini adalah untuk mengetahui bagaimana kanak-kanak tersebut menyesuaikan diri selepas banjir berlaku.

## RUJUKAN

- Ismail A., Rusli A., & Hasbee, U. (2007). *Research Methodology Module*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Age-Related Reaction of Children to Disaster. (n.d.). Dilayari pada 1 Oktober 2007 daripada <http://www.fema.gov/pte/children.htm>.
- American Red Cross. (2007). *Emotional health issues for victims*. Dilayari pada 5 Ogos 2007 dari <http://www.trauma-pages.com>.
- Bahrack, L.E., Parker, J.F., Fivush, R., & Levit, M. (1998). The effects of stress on young children's memory for a natural disaster. *Journal of Experimental Psychology: Applied*, 4, 308-331.
- Bahrack, L.E., Fivush, R., Goldberg, A., Parker, J. F., & Sales, J.M. (2004). Wheathering the strom: Children's long-term recall of Hurricane Andrew. *Journal of Experimental Psychology: Applied*, 12, 104-118.
- Bryant, R., & Boman, B. (2000). *Disaster Mental Health Response Handbook*. Sydney: State Health Publication.
- Bolton, D., & O'Ryan, D. (2000). The long-term psychological effects of a disaster experienced in adolescence II: General psychopathology. *Journal of Child Psychology & Psychiatry*, 41, 513-523.
- Brown, E.J., & Goodman, R.F., (2005). Childhood Traumatic Grief: An exploration of the construct in children bereaved on September 11. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 34(2), 248-259.

- Candy, L. (n.d.). *The Connections Between Emotions And Learning*. Dilayari pada on 14 August 2007 dari [http://www.cdl.org/resource-ibrary/articles/connect\\_emotions.php](http://www.cdl.org/resource-ibrary/articles/connect_emotions.php).
- Carlson, J.G., Hatfield, E. (1992). *Psychology of Emotion*. Orlando: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Ceci, S.J., & Bruck, M. (1993). Suggestibility of the child witness: A historical review and synthesis. *Psychological Bulletin*, 113, 403–439.
- Charles P. Thompson, D. J. (1998). *Eyewitness Memory: Theoretical and Applied Perspectives*. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Durkin, M.S., Naila Khan, Davidson, L.L., Zaman, S.S., & Stein, Z.A. (1993). The Effect of a natural disaster on child behavior: Evidence for posttraumatic stress. *American Journal of Public Health*, 83(11), 1549-1553.
- Firch, U. (2006). *An Introduction to Qualitative Research*. (3rd ed). London: Sage.
- Fuemmeler, B.F., Mullins, L., Pelt, J.V., Carpenter, M.Y., & Parkhurst, J. (2005). Posttraumatic stress symptoms & distress among parents of children with cancer. *Children Health Care*. 34(4), 289-303.
- Galati, D., & Sotgiu, I. (2007). Long term memory for traumatic events; experiences and emotional reaction during the 2000 flood in Italy. *Journal of Psychology*. 14, 91- 108.
- Gittelman, M. (2004). Disaster and psychosocial rehabilitation. *International Journal of Mental Health*. 32, 51-69.
- Grennhoot, A.F., Teshlikai, M., Wagoner, B.J. (2006). The relation between children's past experience, social knowledge, and memories for social situation. *Journal of cognition and development*. 7(3). 313-340.
- Hagan, F.J. (2005) Psychosocial implications of disaster or terrorism on children: a guide for the pediatrician. *Pediatrics*, 116, 787-795.
- Helpguide. (2007). *Emotional & Psychological Trauma: Causes, Symptoms, effects and treatment*. Dilayari pada 1 Oktober 2007 daripada [http://www.helpguide.org/mental/emotional\\_psychological\\_trauma.htm](http://www.helpguide.org/mental/emotional_psychological_trauma.htm).
- Institutes for Psychological Therapies. (2001). Dilayari pada 1 Oktober 2007 daripada <http://www.ipt-forensics.com>.
- Jabatan Meteorologi Malaysia. (2006). *Laporan hujan yang lebat mengakibatkan banjir di negeri Johor, Melaka ,Negeri Sembilan dan Pahang*. Bahagian Penyelidikan:Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

- Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. (2007). *Persediaan menghadapi fenomena banjir*. Dilayari pada 4 September 2007 daripada [http:// www. water.gov.com](http://www.water.gov.com)
- James, D. (n.d.). *Drawing out the trauma*. Dilayari pada 1 Oktober 2007 daripada <http://www.uic.edu/orgs/convening/IIIC-27.htm>.
- Kaya, N., & Helen, H. (2003) Color-emotion associations: Past experience and personal preference. *Proceedings of the Color and Paints, Interim Meeting of the International Color Association*, University of Georgia. 31-34.
- La Greca, A.M., Verberg, E. M., Silverman W.K., Prinstein, M. J. (1996). Symptoms of posttraumatic stress in children after Hurricane Andrew: A prospective Study. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*. 64 (4), 712-723.
- Los Angeles County Department of Mental Health. (2007). *Family Coping Strategies*. Dilayari pada 5 Ogos 2007 daripada [http:// www.trauma-pages. com](http://www.trauma-pages.com).
- Mahnke, F. H. (1996). *Color, Environment & Human Response*. United State: John Wiley & Sons, Inc.
- Makiko Okuyama, (n.d.). *For the parties concerned with medical treatment, health, and clinical psychology*. Dilayari pada 2 Mac 2008 daripada [http:// www.dinf.ne.html](http://www.dinf.ne.html).
- Malchiodi, C.A. (2001). Trauma and Loss Research Intervention: using Drawing as Intervention with Traumatized Children. 1(1), 1-13
- Medecins San Frontieres. (2005). Dilayari pada 1 Oktober 2007 daripada [http:// www.msf.org/msfinternational](http://www.msf.org/msfinternational).
- Merrel, K. W. (2003). *Behavior Social, and Emotional Assesment of Children and Adolesents*. (2<sup>nd</sup> ed.). United State: Lawrence Erlbaum Associates.
- Morris, J. & Ommeren, M.V. (n.d). *Helping Children and Adolescents in Distress:A Manual For Community Workers in Emergency Settings*. Geneva: Switzerland.
- National Mental Health Information Center. (2007). *Self-care Care Tips for Survivors of a Traumatic Event: What to Expect in Your Personal, Family, Work, and Financial Life*. Dilayari pada 16 Ogos 2007 daripada [http:// www. mentalhealth.samhsa.gov](http://www.mentalhealth.samhsa.gov).
- National Mental Health Information Center. (2007). *Disaster Counseling*. Dilayari pada 16 Ogos 2007 daripada <http://www.mentalhealth.samhsa.gov>.

- Nemors Foundation. (2008). *Childhood stress*. Dilayari pada 3 Mac 2008 daripada <http://www.kidshealth.org/parent/emotions/feelings/stress.html>.
- Nurul Huda Hassan (2007, Januari 16). Utusan Malaysia Online: *Banjir: Tiada gelombang ketiga*. Dilayari pada 6 April 2007 daripada <http://www.utusan.com.my/utusan/archive>.
- Parsons, T., & Peterson, C. (1996). Children's long-term memory for injury. *Paper presented at the Biennial Meeting of the International for the study of behavior development*, Quebec City, Canada, 14 Ogos 1996, 15 pages.
- Penning Rowsell, C.E., & Tapsell, M.S. (2002). Vulnerability to flooding; Health and social dimensions. *Journal Royal Society*. 360, 1511-1525.
- Raphael, B., Newman, L., Silove, D., Bryant, R., Boman, B., Sprague, T., Hugh, G., Fritchley, R., & Panasetis, P. (2000). *Disaster Mental Health Response Handbook*. State Health Publication.
- S Haroon Ahmed & M Naim Siddiqi. (2006). Essay Healing through art therapy in disaster settings. *Medicine and Creativity*, 368, 28-29.
- Santrock, J. W. (2006). *Life-span development*. (10th ed). New York : McGraw-Hill.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Stemler, S. (2001). An overview of content analysis. *Practical Assessment, Research & Evaluation*. Dilayari pada 8 Ogos 2007 daripada <http://PAREonline.net>.
- The National Traumatic Stress Network .(n.d). Floods. Dilayari pada 2 Februari 2008 daripada <http://www.nctsn.com>.
- Thompson, C. P., Herrmann, D. J., Read, J. D., Bruce, D., Payne, D. G., Tonglia, M.P., (1998) *Eyewitness memory: theoretical and applied perspectives*. Lawrence Erlbaum Associates. Dilayari pada 23 Februari 2008 daripada <http://www.books.google.com>.
- Torjesen, K. (2001). The role of community in helping children in disaster. *Ambulatory Child Health*, 7, 105-108.
- Wagner, K. V. (2007). Cannon-Bard Theory. Dilayari pada 2 Februari 2008 daripada <http://psychology.about.com>
- Weisaeth, L. (1995) Technological disasters: psychological and psychiatric effects. In .J. Ursano, B.G. McCaughey, & C.S. Fullerton (Eds) *Individual and Community Responses to Trauma and Disaster: The Structure of Human Chaos*. Cambridge University Press.

Welfel E. R. (2006). *Ethics in Counseling and Psychotherapy: Standards, Research, and Emerging Issues* (3<sup>rd</sup> ed.), U.S: Brooks/Cole.

Youichi Inoue.(n.d.). *Psychotherapy in the treatment of PTSD (Post Traumatic Stress Disorder*. Dilayari pada 2 Mac 2008 daripada <http://www.dinf.ne.html>.

Zainon Denan. (2007, February 12).Utusan Malaysia online: *1000 mangsa banjir masih trauma*. Dilayari pada 6 April 2007 daripada <http://utusan.com.my/utusan/content>.